

FORMAT & SYARAT PERTANDINGAN

- i. Pertandingan terbuka kepada semua murid sekolah menengah negeri Melaka.
- ii. Setiap sekolah perlu menghantar satu penyertaan sahaja yang terdiri daripada 3 orang murid dan seorang mentor (guru pengiring).
- iii. Setiap penyertaan mestilah menggunakan **rekabentuk laman blog dan alamat domain yang baharu**. Isi kandungannya perlu mengikut **tema pertandingan**.
- iv. Setiap penyertaan perlu mengisi borang pendaftaran berserta alamat laman blog secara **online** pada portal www.smksms.com sebelum **30 April 2018**.
- v. Penilaian akan dilakukan menerusi capaian ke atas laman blog menggunakan Internet Explorer 6.0 ke atas dan Mozilla Firefox 3.0 ke atas menggunakan alamat domain yang diberikan.
- vi. Sila nyatakan saiz frame yang ideal bagi setiap laman blog.
- vii. Hanya 10 penyertaan yang terpilih akan bertanding ke peringkat akhir. Pada peringkat akhir murid akan membuat pembentangan dalam tempoh 10 minit dan sesi soal jawab oleh juri dalam tempoh 5 minit. Penyertaan yang terpilih akan dipaparkan pada portal www.smksms.com untuk tatapan umum.
- viii. Semua hasil kerja juga mestilah asli dan bebas daripada virus, kod aturcara mencurigakan, unsur perkauman, kebencian politik atau isi kandungan yang menyalahi undang-undang Malaysia.
- ix. Sekiranya bahan hak cipta terpelihara digunakan, keizinan haruslah diperolehi terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta tersebut. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pencerobohan hak cipta atau hak intelektual sekiranya peserta melanggar peraturan tersebut.
- x. Pihak penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan tanpa memberi sebarang sebab. Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- xi. Peserta pertandingan juga bebas memilih perisian aplikasi percuma untuk membina laman blog seperti **Blogspot, Wix.com, Weebly, Zoho Sites, IM Creator, Wordpress, Joomla, Drupal** dan sebagainya.
- xii. Selepas pengumuman di buat bagi sekolah-sekolah yang layak ke peringkat akhir, laman blog tersebut boleh dikemaskini dengan lebih baik untuk di bawa ke pertandingan akhir pada **19 Julai 2018**